

SANTUARI PARK

Pantai

www.santuaripark.my
+6 018-668 8101

Pasangan hebat suami isteri Amyra Rosli dan Amar Baharin, yang telah beraksi dalam drama Cemburu Seorang Isteri baru-baru ini telah mengadakan sebuah sesi bergambar bersama anak mereka Aqeeb Anaqi di projek perumahan mewah Santuari Park Pantai.

Projek baru banglo mewah yang terletak di Bangsar South dipilih oleh majalah Keluarga bagi edisi tahun baru 2020 (Januari-Februari).

Amyra berkata dalam temubualnya bahawa menjadi ibu muda tak susah yang penting kena bersedia dan matang. Jujur mengakui banyak ambil ilmu dari ibunya.

“Saya berkahwin pada usia 25 tahun dan dapat anak umur 26 tahun. Kini umur 28 tahun bakal menimang anak kedua. Saya banyak ikut mama macam mana jaga anak, handle rumah tangga dan dalam masa yang sama bekerja.

“Kebetulan saya tak ada pembantu rumah, jadi kena bijak bahagi masa. Kalau tak boleh set semua dalam otak, setkan dalam diari setiap aktiviti kita. Kalau disiplin dan aktiviti tersusun tak akan timbul sebarang masalah. Yang penting kena tolak ansur dengan suami dan saling membantu antara satu sama lain.

